



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

APLIKASI TEMA DAN VARIASI KE DALAM LAGU
贺新年 'HE XIN NIAN'

Tan Yian Ni

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Muzik)
2013

APLIKASI TEMA DAN VARIASI KE DALAM LAGU 贺新年 'HE XIN NIAN'

TAN YIAN NI

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Keupujian
(Muzik)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2013

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: APLIKASI TEMA DAN VARIASI KE DALAM LAGU
贺新年 'HE XIN NIAN'

SESI PENGAJIAN : 2010-2013

Saya **TAN YIAN NI**

mengaku membenarkan tesis/ Laporan * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/ Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pengdigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/ laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi

5. *sila tandakan

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan

Tandatangan Penulis

Tandatangan Penyelia

Tarikh : _____

Tarikh : _____

Alamat Tetap:

No, 424,
Kg Baru Kalumpang,

Catatan: * Tesis/ Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana Muda
* Jika Tesis/ Laporan SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/ laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk '**Aplikasi Tema dan Variasi ke Dalam Lagu 贺新年 'He Xin Nian'**' telah disediakan oleh **Tan Yian Ni** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian dalam **Muzik**.

Diterima untuk diperiksa oleh:

Connie Lim Keh Nie

Tarikh:

PENGAKUAN

Penulis mengakui bahawa tidak terdapat bahagian penyelidikan, dihasilkan atau dilaporkan dalam tesis ini yang telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk suatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institusi pengajian tinggi lain.

(TAN YIAN NI)

No. Matrik: 28488

PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin bersyukur kepada Tuhan kerana bimbingan-Nya membawa saya ke Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan memdampingi saya melalui pelbagai cabaran sepanjang tiga tahun ini. Tanpa kurnian kekuatan, keyakinan, ketabahan dan kejaksananan daripada-Nya, saya tidak dapat menyiapkan Ijazah Sarjana Muda ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada keluarga saya terutama bapa saya Tan Say Hoe, ibu saya, Ho Lai Hor yang memberi sokongan yang sepenuh ke atas apa yang saya lakukan sepanjang pengajian saya di UNIMAS.

Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia projek tahun akhir saya yang arif dan bertanggungjawab, Puan Connie Lim Keh Nie, kerana beliau telah banyak nmenyumbangkan masa, tenaga, idea, cadangan, sokongan dan bimbingan dalam projek ini.

Selain itu, ribuan terima kasih saya ingin ucapkan kepada semua pensyarah program muzik terutamanya Prof. Madya Dr. Hasnizam bin Abdul Wahid, selaku Dekan Fakuliti Seni Gunaan dan Kreatif, pensyarah yang terlibat sama dalam subjek 'Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir', Drs. Yoesbar Djaelani, Cik Laura Pranti Tutom dan Encik Jurgen Frenz yang memberi nasihat dan tergunan yang berharga kepada saya sebagai panduan bagi membaiki projek ini.

Sehubungan itu, saya juga merakamkan penghargaan kepada panel yang memberi maklum balas dan melakukan validasi terhadap kajian ini, Puan Amy Yeo Shu Chee, Encik Winston Mike Law dan Puan Kho Yak Pei. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Encik Lembad Anak Subit selaku juruteknik muzik telah membantu

menjayakan projek ini secara tidak langsung. Pada masa yang sama, tanpa bantuan dan sokongan daripada rakan-rakan saya amat dihargai terutamanya Hor Yeen Theng, Teow Xin Yee, Lorean Naya Balang, Cheong Michael Wai Kit, Hizkia Maran Bin Yohanis, Florishia binti Ajun, Lim Sok Sok dan Lau Shu Lin, kajian ini tidak akan berjaya.

Akhirnya, saya ingin berterima kasih kepada ahli-ahli *Unimas Symphony Orchestra and Choir Society*, semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam projek ini. Semoga projek ini dapat memanfaatkan para mahasiswa-mahasiswi pada masa depan dan menjadi satu rujukan kepada sesiapa yang ingin meneruskan kajian ini dengan lebih lanjut.

ISI KANDUNGAN

Halaman Tajuk	
Pengesahan dan Tandatangan Penyelia	i
Pengakuan Pelajar	ii
Penghargaan	iii
Isi Kandungan	v
Senarai Rajah	ix
Senarai Gambar	x
Senarai Jadual	x
Abstrak	xi
<i>Abstract</i>	xii
1. BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1. Pengenalan	1
1.1.1 Form (Bentuk Lagu)	1
1.1.2 Tema dan Variasi	2
1.1.3 Lagu Tahun Baru Cina	2
1.2. Skop Kajian	3
1.3. Pernyataan Masalah	3
1.4. Hipotesis	4
1.5. Objektif Kajian	4
1.6. Kepentingan Kajian	4
1.7. Kajian Literasi	5
1.7.1 Terbitan Audio Lagu Tahun Baru Cina di Malaysia	5
1.7.2 Tentang Bentuk tema dan Variasi	6

2.	BAB 2	MEDOTOLOGI	8
	2.1.	Pengenalan	8
	2.2.	Prosedur	8
	2.3.	Pengumpulan Data	9
	2.3.1.	Kaedah Primier	9
	2.3.1.1.	Temuduga ahli profesor/ panel	9
	2.3.1.2.	Analisi Data	9
	2.3.2.	Kaedah Sekunder	10
	2.3.2.1.	Rujukan Buku	10
	2.3.2.2.	Rujukan Laman Web	10
	2.3.2.3.	Rujukan audio atau videografi	10
	2.4.	Pendekatan Perisian	10
	2.4.1	<i>Microsoft Word</i> atau <i>Adobe</i>	10
	2.4.2.	<i>Sibelius</i>	11
	2.4.3.	<i>Neundo 4</i>	11
3.	BAB 3	DAPATAN KAJIAN	12
	3.1.	Pengenalan	12
	3.2.	Tema dan Variasi	12
	3.3.	Sampel Lagu Tahun Baru Cina Tradisi yang Dikumpul	15
	3.4.	Analisa Struktur Sampel Lagu-lagu Tahun Baru Cina Tradisi	15
	3.5.	Cara Pemilihan Lagu	16
	3.6.	Analisis Lagu Tahun Baru Cina Tradisi 贺新年 ' <i>He Xin Nian</i> '	19
	3.6.1.	Motif Utama	20
	3.6.2.	Frasa Original	21
	3.6.3.	Kadens	22
	3.7.	Prosedur Penulisan Karya	22

3.7.1.	Bentuk Struktur Lagu	23
3.7.2.	Rangka Komposisi dalam Penulisan Skor Ringkas	24
3.7.3.	Pembahagian Skor Ringkas kepada Skor Penuh	25
3.8.	Analisis Lagu Tahun Baru Cina 贺新年 'He Xin Nian' Baru	26
3.8.1.	Intro	26
3.8.2.	Variasi 1 -- Gaya <i>March</i>	26
3.8.2.1.	Melodi	26
3.8.2.2.	Ritma, Tingkat Nada dan Struktur	28
3.8.2.3.	Harmoni	28
3.8.2.4.	<i>Orchestration</i>	29
3.8.3.	Variasi 2 -- Gaya <i>Waltz Canon</i>	30
3.8.3.1.	Melodi	30
3.8.3.2.	Ritma, Tingkat Nada dan Struktur	32
3.8.3.3.	Harmoni	33
3.8.3.4.	<i>Orchestration</i>	33
3.8.4.	Variasi 3 -- Gaya <i>Jazz Rock</i>	34
3.8.4.1.	Melodi	34
3.8.4.2.	Ritma, Tingkat Nada dan Struktur	35
3.8.4.3.	Harmoni	36
3.8.4.4.	<i>Orchestration</i>	38
3.8.5.	Transisi di antara Setiap Variasi	39
3.8.5.1.	Transisi 1	39
3.8.5.2.	Transisi 2	39
3.8.5.3.	Transisi 3	40
3.8.6.	Koda	40
3.9.	Skor Lengkap 贺新年 'He Xin Nian'	40
4.	BAB 4 PERBINCANGAN	58
4.1.	Pengenalan	58

4.2.	Analisis Data	59
4.2.1.	Maklum Balas dari Panel Puan Amy Yeo Shu Chee	59
4.2.2.	Maklum Balas dari Panel Encik Winston Mike Law	61
4.2.3.	Maklum Balas dari Panel Puan Kho Yak Pei	62
4.3.	Analisis data	63
4.4.	Kesimpulan	64
5.	KESIMPULAN DAN CADANGAN	66
5.1.	Kesimpulan	66
5.2.	Cadangan	67
	Bibliografi	68
	Diskografi	70
	Glosari	72
	Lampiran A	76
	Lampiran B	80
	Lampiran C	84
	Lampiran D	88
	Lampiran E	92
	Lampiran F	93

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1	Struktur Bentuk Tema dan Variasi	13
Rajah 3.2	Motif Utama dalam 贺新年 ' <i>He Xin Nian</i> '	17
Rajah 3.3	Transkripsi Lagu Tahun Baru Cina Tradisi 贺新年 ' <i>He Xin Nian</i> '	19
Rajah 3.4.1	Keratan Melodi Tema (a)	20
Rajah 3.4.2	Keratan Melodi Tema (b)	20
Rajah 3.4.3	Keratan Melodi Tema (c)	20
Rajah 3.5	Keratan Frasa dari Tema (a)	21
Rajah 3.6	Keratan Frasa dari Tema (b)	21
Rajah 3.7	Rangka Bentuk Struktur Komposisi Lagu 贺新年 ' <i>He Xin Nian</i> ' Baru	23
Rajah 3.8	Contoh Keratan skor ringkas	24
Rajah 3.9	Keratan Skor Orkestra Penuh	25
Rajah 3.10	Melodi Variasi 1 - Gaya <i>March</i>	26
Rajah 3.11	Keratan Lagu dari Variasi 1 (a)	27
Rajah 3.12	Keratan Lagu dari Variasi 1 (b)	27
Rajah 3.13	Struktur Variasi 1	28
Rajah 3.14	Keratan Bahagian Harmoni dari Variasi 1	28
Rajah 3.15	Senarai Alat Instrumn yang Diguna dalam Variasi 1	29
Rajah 3.16	Melodi Variasi 2 -- Gaya <i>Waltz Canon</i>	30
Rajah 3.17	Motif yang Diguna dalam Variasi 2	31
Rajah 3.18	Motif Utama dalam Tema	31
Rajah 3.19	Keratan dari Variasi 2 (a)	32
Rajah 3.20	Keratan dari Variasi 2 (b)	32
Rajah 3.21	Struktur Variasi 2	32
Rajah 3.22	Senarai Instrumen yang Diguna dalam Variasi 2	33
Rajah 3.23	Melodi Variasi 3 -- Gaya <i>jazz rock</i>	34
Rajah 3.24	Struktur Variasi 3	35

Rajah 3.25	Rentak Piano Baru untuk Variasi 3	36
Rajah 3.26	<i>Bass line</i> untuk <i>electric bass</i>	36
Rajah 3.27	<i>Bass line</i> untuk Cello dan Contrabass	36
Rajah 3.28	Rentak Harmoni untuk <i>string section</i>	37
Rajah 3.29	Bahagian Koir Variasi 3	37
Rajah 3.30	Senarai Instrumen yang Digunakan dalam Variasi 3	38
Rajah 3.31	Transisi dari Tema ke Variasi 1	39
Rajah 3.32	Transisi dari Variasi 1 ke Variasi 2	39
Rajah 3.33	Transisi dari Variasi 2 ke Variasi 3	40

SENARAI GAMBAR

Gambar 2.1	Pemprosesan Lagu 贺新年 ' <i>He Xin Nian</i> ' dalam Logic Pro	11
Gambar 4.1	Sesi Temubual dengan Puan Amy Yeo Shu Chee di Sekolah Seni Kuching	60

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Senarai Lagu Tahun Baru Cina Tradisi	16
------------	--------------------------------------	----

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk memberi satu nafas baru dalam lagu Tahun Baru Cina. Bentuk tema dan variasi akan diaplikasikan ke dalam sebuah lagu Tahun Baru Cina yang diterbitkan antara tahun 1940-an hingga 1950-an, dan masih terkenal sehingga hari ini. Lagu yang dipilih akan digunakan sebagai tema dan dikembangkan dalam struktur komposisi lagu dari segi melodi, harmoni dan instrumentasi untuk menghasilkan gaya lagu Tahun Baru Cina yang berlainan dengan dulu. Demi menguji keberkesanan persembahan lagu Tahun Baru Cina dalam gaya yang berbeza, pegkaji akan mendapat pengesahan daripada pihak individu yang mahir dalam komposisi.

Abstract

This research aims to give a new breath to the Chinese New Year Song. The theme and variations form will be applied to the chosen Chinese New Year song produced in between 1940s to 1950s which is still popular until today. The theme will be taken from the song chosen, it will then being developed in the aspects of melody, harmony and instrumentation in order to create a different style of Chinese New Year song. In order to validate the music composition, the researcher shall seek the opinion through the panel of expert in the area of music composition.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

1.1.1. Form (Bentuk Lagu)

Menurut kamus seni muzik, *form* bermaksud satu jenis bentuk struktur dalam sesuatu karya yang ditentukan oleh elemen muzik seperti melodi, ritma, harmoni, tonaliti, *timbre* (warna ton) dan tekstur.

Form boleh dibahagikan kepada lima jenis, yang pertama adalah bentuk lagu asas iaitu bentuk dan struktur yang kecil, tunggal, tidak melibatkan gerakan lagu yang kompleks, misalnya bentuk stropik, bentuk biner, bentuk ternari, *five part* dan lain-lain. Kedua, bentuk gerakan tunggal, struktur sesuatu karya yang terdiri daripada hanya satu gerakan muzik dan biasanya diklasifikasikan mengikut tonaliti dan pengulangan. Contohnya, tema dan variasi, *rondo*, dan *sonata*.

Ketiga, *contrapuntal form* adalah bentuk yang bergantung pada tekstur, teknik serta prosedur dalam ciptaan muzik. Bentuk ini menggabungkan dua atau lebih daripada dua melodi ke dalam satu ciptaan muzik yang dikenali sebagai teknik *counterpoint*. Contohnya, *fugue*, *toccata*, dan *canon*.

Keempat, bentuk majmuk yang terdiri daripada gabungan beberapa bentuk tunggal seperti simfoni, konserto, dan *overture*. Kelima ialah bentuk vokal yang bergantung pada struktur teks seperti *ballata* dan *rondeau*.

1.1.2. Tema dan variasi

Tema dan variasi ialah bentuk muzik yang dicipta dengan satu tema dan beberapa siri perubahan tema tersebut (Kamus seni muzik, 2009). Bentuk lagu ini telah wujud sejak zaman baroque dan kerap digunakan oleh para komposer, termasuk komposer yang terkenal seperti *Johann Sebastian Bach*, *Wolfgang Amadeus Mozart*, *Ludwig van Beethoven*, *Johannes Brahms* dan lain-lain.

1.1.3. Lagu Tahun Baru Cina

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya, termasuk kaum Cina. Orang Cina adalah imigrasi dari China sejak 15-an, sekarang kaum Cina di Malaysia menduduki 24.6 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia 2011) populasi warganegara Malaysia, dikira kumpulan etnik kedua besar di Malaysia.

Sejak zaman dahulu, Orang Cina telah menganggap muzik wujud sebagai keperluan manusia. Oleh itu, muzik bukan sahaja berfungsi sebagai alat untuk menyatakan emosi seperti kegembiraan dan kesedihan atau menyampaikan renungan rohani atau agama, tetapi ia juga sentiasa dipersembahkan dalam acara seperti ritual, perkahwinan, pengkebumian, perayaan dan sebagainya.

Tahun Baru Cina merupakan perayaan yang terpenting bagi Orang Cina, kerana perayaan ini melambangkan permulaan satu tahun yang baru, titik nasib baru dan kehidupan baru. Orang Cina akan memeriahkan perayaan ini dengan mercun, jamuan, tarian dan muzik.

Lagu Tahun Baru Cina berfungsi memeriahkan perayaan Tahun Baru Cina.

Tradisi ini diteruskan sehingga kini dan mengalami perubahan mengikut peredaran masa dan citarasa pendengar. Banyak komposer Tahun Baru Cina cuba menghasilkan lagu Tahun Baru Cina yang baru. Namun, dari segi struktur komposisi masih banyak yang sama dengan lagu tradisi dan tidak banyak perubahan terutamanya pada bahagian bentuk lagu.

1.2. Skop Kajian

Fokus kajian ini adalah lagu Tahun Baru Cina tradisi yang telah diterbitkan di Shanghai antara tahun 1940-1950 sahaja.

1.3. Pernyataan Masalah

Pertama, struktur komposisi lagu tradisi yang digubah di Malaysia masih dikekalkan dalam bentuk original. Lagu Tahun Baru Cina tradisi biasa dicipta dalam bentuk *group form*, iaitu bentuk biner AB, bentuk ternari ABC dan dipersembahkan dalam cara pengulangan sahaja. Contohnya,

- a. "He Xin Nian" (贺新年) (AABAABA) (1948)
- b. "Da Di Hui Chun" (大地回春) (AABBAABBAA) (1974)
- c. "Gong Xi Gong Xi" (恭喜恭喜) (ABABABABAB) (1946)
- d. "Ying Chun Hua" (迎春花) (ABABAB) (1950)

Pengulangan bentuk lagu yang sama menyebabkan pendengar berasa bosan. Oleh itu pengkaji ingin mengaplikasikan bentuk tema dan variasi ke dalam lagu Tahun Baru Cina tradisi.

Kedua, gaya lagu yang digubah masih mengekalkan gaya yang sama dengan lagu original. Lagu yang digubah hanya berubah mengikut permintaan pendengar sahaja. Ini menyebabkan lagu Tahun Baru Cina tradisi tidak mempunyai perkembangan yang jauh.

1.4. Hipotesis

Pengaplikasian bentuk struktur komposisi tema dan variasi ke dalam lagu Tahun Baru Cina akan memberikan suatu gaya yang berbeza serta dapat memperkembangkan bentuk struktur komposisi dalam pengubahan lagu Tahun Baru Cina.

1.5. Objektif Kajian

- Mengaplikasi bentuk struktur komposisi tema dan variasi ke dalam lagu Tahun Baru Cina tradisi
- Mengkaji keberkesanan mempersembahkan lagu Tahun Baru Cina tradisi dalam gaya yang berbeza melalui bentuk struktur komposisi tema dan variasi,
- Memperkembangkan struktur komposisi lagu Tahun Baru Cina tradisi melalui bentuk struktur komposisi tema dan variasi.

1.6. Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana ia dapat memberikan nafas baru kepada lagu Tahun Baru Cina dari struktur komposisi. Pengulangan struktur dan gaya komposisi yang sama telah mengakibatkan perasaan bosan dan tidak menarik kepada pendengar orang Cina.

Oleh itu, aplikasi bentuk tema dan variasi ke dalam lagu Tahun Baru Cina dapat membantu komposer dan penggubah mengembangkan struktur komposisi lagu Tahun Baru Cina untuk mengurangkan tahap kebosanan terhadap pengulangan struktur dan gaya komposisi yang sama.

Justeru, kajian ini dapat meningkatkan nilai lagu Tahun Baru Cina dalam masyarakat Cina dan membantu meneruskan fungsi lagu Tahun Baru Cina yang unik ini pada masa akan datang.

1.7. Kajian literasi

1.7.1. Terbitan Audio Lagu Tahun Baru Cina di Malaysia

Menurut terbitan audio Lagu Tahun Baru Cina dalam Malaysia, didapati Malaysia telah menerbitkan 24 buah album di antara Tahun 2007 hingga 2012. Purata lagu yang terdapat setiap album Lagu Tahun Baru Cina ialah 12 buah lagu. Antara 12 buah lagu itu, hanya ada 2-5 buah lagu adalah komposisi baru, yang lain ialah lagu disusun semula, puratanya ialah 7-10 buah lagu.

Antara komposer yang popular dalam menghasilkan lagu Tahun Baru Cina ialah ‘Deng Zhi Zhang’ (邓智彰), ‘Wang Jun Liang’ (王俊亮), dan ‘Wang Guo Quan’ (王国权). Selain itu, pengkaji juga perasan kebanyakan lagu Tahun Baru Cina dicipta dalam *ternary form*, iaitu ABC dan tema sering diulangi sahaja.

Penerbit album yang sering menerbitkan album lagu Tahun Baru Cina ialah Star Media (星娱), New Southern Records (南方) dan NTV 7. Namun, Star Media distribution Sdn Bhd menduduki kebanyakan pasaran dengan memiliki lebih daripada

80% daripada pasaran album Lagu Tahun Baru Cina di Malaysia. Secara amnya, Syarikat Star Media boleh dianggap sebagai monopoli dalam pasaran album Lagu Tahun Baru Cina di Malaysia.

1.7.2. Tentang bentuk tema dan variasi

Tema dan variasi merupakan salah satu jenis bentuk struktur komposisi yang telah wujud sejak zaman baroque dan boleh dilabelkan sebagai satu jenis bentuk struktur komposisi yang sangat tua. Menurut Leon Stein (1979), pada zaman baroque, bentuk tema dan variasi hanya wujud dalam bentuk:

- *Strophic* variasi, iaitu merupakan satu jenis bentuk *aria* dalam opera zaman awal baroque. Melodi vokal dalam opera telah dikembang dengan teknik ornamen dan juga improvisasi.
- *Varied couple dance*, iaitu merupakan dua penarian, penarian pertama yang dipersembahkan sebagai tema, dan penarian yang seterusnya akan dikembangkan dari segi rentak melodi asal.
- Bentuk *ground bass* seperti *passamezzo*, *basso ostinato*, *chaconne*.
- Variasi secara frasa, melodi akan dikembang secara rumit dengan cara ornamen dan *figuration* dalam setiap phrasa.

Jenis-jenis variasi hanya bertambah sejak zaman klasik (1750-1827), komposer-komposer seperti Mozart, Beethoven, dan Haydn telah mengembangkan

fungsi dan teknik bentuk tema dan variasi ke tahap yang lain dan memberi kejutan yang tidak disangka kepada para pendengar. Pada zaman ini, pelbagai teknik untuk variasi telah dicipta, untuk menghasilkan variasi yang panjang dan tidak terhad. Oleh itu, para komposer boleh mengembangkan motif asal melalui bentuk ini dengan lebih bebas dan senang.

Karya variasi yang telah dirujuk oleh pengaji termasuk:

- *Ah! Vous dirai-je, Maman (twinkle-twinkle little star)* oleh *Wolfgang Amadeus Mozart*.
- *Variation on a theme by Haydn (Op.24)* oleh *Johannes Brahms*
- *Variation on a them by Handel (Op.5a.)* oleh *Johannes Brahms*
- *Sonata, op, 14, no 2, second movement,* oleh *Ludwig van Beethoven*.
- *Caprice No. 24 (untuk violin)* oleh *Niccolo Paganini*

BAB 2

MEDOTOLOGI

2.1. Pengenalan

Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk kualitatif dan eksperimen untuk menguji keberkesanan kajian ini yang mengaplikasikan bentuk tema dan variasi ke dalam lagu Tahun Baru Cina tradisi 贺新年 '*He Xin Nian*'.

Pengkaji akan mengumpulkan data-data dan sampel muzik dengan merujuk kepada skop kajian dan seterusnya menganalisis data itu. Selepas itu, pengkaji akan mentranskrip data ke bentuk tulisan. Merujuk kepada permasalahan yang ada, pengkaji akan menghasilkan satu karya baru untuk menguji keberkesanan kajian ini.

2.2. Prosedur

Untuk melaksanakan kajian ini, pengkaji akan mengumpul data dan sampel lagu Tahun Baru Cina dengan merujuk kepada skop kajian yang ditentukan. Sampel-sampel lagu Tahun Baru Cina yang telah dikumpulkan oleh pengkaji akan digunakan sebagai sampel muzik kajian. Setiap sampel lagu yang dikumpul oleh pengkaji akan ditranskrip daripada bentuk audio kepada tulisan skor untuk memudahkan proses analisis data kajian.

Setelah proses transkripsi dan analisis dilakukan oleh pengkaji, sampel lagu Tahun Baru Cina akan dipilih secara bersyarat dan lagu yang dipilih akan diguna sebagai tema dalam komposisi aplikasi bentuk tema dan variasi.

2.3. Pengumpulan Data

2.3.1. Kaedah Premier

2.3.1.1. Temuduga ahli profesor/ panel

Pada akhir kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah temuduga dan panel untuk validasi nilai kajian ini. Di samping itu, pengkaji juga akan menggunakan panel yang telah dipilih untuk menguji keberkesanan objektif kajian dan hipotesis yang ditetapkan.

Dalam kaedah ini, pihak panel yang dipilih oleh pengkaji harus berilmu dalam bidang muzik dan sekurang-kurangnya mempunyai tahap pendidikan ijazah sarjana muda dalam bidang muzik. Alasan tahap pendidikan ini ditentukan kerana kajian ini lebih memberat kepada teknik dan ilmu muzik supaya dapat memberikan pendapat yang profesional dan menilaikan kajian ini dengan lebih tepat. Dengan cara ini, pengkaji boleh melakukan penyesuaian karya dari masa ke semasa.

2.3.1.2. Analisi Data

Dalam kajian ini, pengkaji akan menganalisis lagu Tahun Baru Cina yang telah dikumpulkan menerusi transkrip yang berbentuk tulisan. Analisis ini adalah penting bagi pengkaji untuk memahami permasalahan kajian dan mencari persamaan lagu Tahun Baru Cina tradisi. Seterusnya, pengkaji menghasilkan karya menurut permasalahan yang dikenalpasti dari analisis data ini.